

611 terima darjah kebesaran

KUALA LUMPUR 29 Nov. - Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V hari ini berkenan mengurniakan darjah kebesaran, bintang dan pingat Persekutuan Tahun 2017 kepada 611 orang penerima.

Mendahului senarai sembilan penerima Darjah Johan Mangku Negara (JMN) ialah Ketua Staf Am Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Tengku Ahmad Noor Tuan Chik.

Turut menerima darjah JMN ialah Pengarah Kanan Bahagian Dasar Sektoral Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Datin K. Talagavathi, Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi Prof. Dr. Raha Abdul Rahim, Pensyarah Antropologi dan Sosiologi Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia Prof. Dr. P. Sivamurugan dan Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Prof. Dr. Wahid Razzaly.

Penerima lain JMN ialah Pengarah Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar, Jabatan

Perkhidmatan Awam Suhaime Mahbar, AJK UMNO Pasir Raja Bot Sharduli Abd Rahman, Anggota Majlis Tertinggi Parti Liberal Demokratik Thien Kui Sang dan Naib Pengurus MCA Kota Raja, Wong Van Choy.

Yang di-Pertuan Agong turut mengurniakan darjah Johan Setia Mahkota (JSM) kepada 37 individu, antaranya bekas Panglima Briged ke-12 Infanteri Malaysia, Brigadier Jeneral (B) Datuk Mohd Nazri Abidin dan Timbalan Pengarah (Perancangan Strategik) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman SAC Rusli Mohd. Noor.

Sementara itu, Anggota Dewan Undangan Negeri Lintang, Datuk Mohd. Zolkafly Harun antara 118 individu yang mendahului senarai penerima darjah Kesatria Mangku Negara (KMN).

Turut menarik perhatian ialah dua individu yang melakar sejarah negara apabila berperanan meningkatkan bendera Jalur Gemilang ketika merdeka pada 31 Ogos 1957 iaitu Oliver Cuthbert Samuel dan Mohamed Sarif Kalam turut dikurniakan darjah KMN.- BERNAMA